

02/08/2003

Komponen BN mesti hati-hati pilih pemimpin: Dr Mahathir

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya lebih berhati-hati dalam memilih pemimpin termasuk pada peringkat cawangan.

Perdana Menteri mengingatkan demikian ketika mengulas kemungkinan latar belakang seseorang perlu diperiksa sebelum diterima menjadi ahli parti bagi mengelak kes seperti bekas Ketua MCA cawangan Persiaran Gurney, Ong Kie Ee atau lebih dikenali sebagai 'Jackie Chan' yang disyaki terbabit dalam kegiatan kongsi gelap.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, walaupun sukar untuk memeriksa setiap ahli dalam parti kerana jumlahnya terlalu ramai, tapi langkah lebih berhati-hati perlu diambil untuk mengelak kejadian seperti itu.

"Saya nasihatkan semua cawangan supaya lebih berhati-hati. Kita memang tidak boleh tahu, sehinggalah seseorang itu didapati terbabit dalam kegiatan tidak bermoral... seperti kes liwat... macam mana saya nak tahu. Saya tidak tahu... tapi selepas dapat tahu, saya kena ambil tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita pada sidang media selepas meninjau produk kraf di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay di sini, semalam.

Ong, 37, ditahan mengikut Seksyen 3 (1) Ordinan Darurat 1969 selepas menyerang diri kelmarin. Beliau dikehendaki kerana disyaki terbabit dalam kegiatan jenayah seperti mengedar dadah, membunuh, menculik serta merompak.

Ong yang menyertai MCA pada 2000, juga didakwa cuba menghidupkan semula kumpulan Sio Sam Ong yang pernah diketuainya.

Dr Mahathir berkata, sukar untuk membuat pemeriksaan rapi untuk semua ahli parti di setiap cawangan yang berjumlah berjuta orang, tetapi untuk perkhidmatan awam, kerajaan memang melakukan pemeriksaan termasuk dengan polis dan Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Mengenai kenyataan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, yang mempertikaikan kewibawaan BPR dalam siasatan kes bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan anak lelakinya, Ling Hee Leong, Dr Mahathir berkata pembangkang memang suka mempolitikkan semua perkara.

"Kalau tidak percayakan BPR, siapa lagi yang anda nak percaya. BPR telah mengambil tindakan terhadap ramai orang, termasuk pemimpin parti dan kes mereka dibawa ke mahkamah.

"Tapi bagi Kit Siang, semuanya hendak dipolitikkan. Bukannya persoalan sama ada undang-undang, sama ada betul atau salah... tapi semuanya hendak dipolitikkan," katanya yang yakin pembangkang juga akan menjadikan kes itu sebagai isu dalam pilihan raya nanti.